

**KERTAS KHAS:**  
**SAHAM WAKAF MENURUT PERSPEKTIF ISLAM; KE ARAH**  
**PELAKSANAANNYA DI NEGERI KELANTAN**

Oleh: Hamidi Bin Abdul Ghani<sup>1</sup>

*Abstrak*

*Artikel ini membincangkan konsep wakaf dalam Islam secara umum dan menjelaskan prinsip-prinsip fiqh muamalat yang bersifat flexibel dari segi pelaksanaannya sehingga membolehkan kewujudan saham wakaf atau wakaf tunai. Kemunculan skim saham wakaf ini memudahkan umat Islam untuk mewakafkan harta mereka dalam bentuk tunai kerana tidak semua umat Islam mempunyai harta kekal seperti tanah, bangunan dan sebagainya. Pengumpulan dana itu akan digunakan untuk pembangunan sosio ekonomi umat Islam. Beberapa buah negeri di Malaysia telah menubuhkan skim saham wakaf ini. Penulisan ini ditulis sebagai satu cadangan kepada kerajaan negeri Kelantan yang rakyatnya diketahui kuasa beli tunai yang tinggi supaya mengubal undang-undang khas berkaitan dengan wakaf dan seterusnya menubuhkan saham wakaf Kelantan.*

**PENDAHULUAN**

Wakaf adalah satu istilah yang tidak disebut secara langsung dalam al-Quran atau al-Sunnah. Istilah ini mula wujud berdasarkan tafsiran para fuqaha tentang makna ibadat sedekah jariah. Amalan mewakafkan harta merupakan satu bentuk pengorbanan yang besar di sisi Allah SWT. Ianya sangat digalakkan kepada seluruh umat Islam sehingga dijanjikan oleh-Nya ganjaran pahala yang berterusan sekalipun selepas kematian pewakaf. Sejak zaman Rasulullah SAW lagi telah diwujudkan institusi wakaf di samping institusi-institusi zakat dan baitulmal. Ia diwujudkan kerana kemampuan wakaf tersebut dalam menjana pembangunan serta mematuhi keperluan sosio ekonomi umat Islam itu sendiri.

---

<sup>1</sup> Hamidi bin Abdul Ghani (MA), Pensyarah Jabatan Al-Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

Seiring dengan peredaran masa, amalan mewakafkan harta masih tetap berterusan namun tidak terbatas dalam mewakafkan tanah semata-mata untuk pembangunan masjid atau tapak perkuburan. Dalam keadaan ekonomi yang berkembang pesat ini, terdapat pelbagai projek yang mampu memberikan manfaat untuk umat Islam yang boleh dilaksanakan. Untuk itu, sudah pasti ia memerlukan satu suntikan modal untuk dibangunkan projek-projek tersebut.

Bersetujuan dengan konteks masa kini, wakaf bukan sahaja tertumpu kepada pemberian tanah semata-mata tetapi telah berkembang kepada satu skim saham yang lebih mudah dan mampu melibatkan segenap lapisan masyarakat di mana dahulu hanya mereka dari golongan berada sahaja yang mampu melakukan ibadat wakaf. Pengumpulan dana dari orang ramai ini seterusnya akan digunakan untuk membiayai pelbagai projek yang menguntungkan untuk dikongsi bersama manfaatnya.<sup>2</sup>

Hari ini terdapat beberapa buah negeri di Malaysia yang telah melancarkan Saham Wakaf seperti Johor, Melaka, Pulau Pinang, Pahang, Terengganu dan Selangor. Skim Saham Wakaf telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Malah di negeri Johor telah diurus secara profesional seperti Wakaf Al-Nur dipelopori oleh Johor Corporation. Artikel ini ditulis sebagai satu cadangan kepada kerajaan negeri Kelantan yang rakyatnya terkenal dengan kuasa beli secara tunai untuk mewujudkan skim saham wakaf atau skim wakaf tunai.

## DEFINISI WAKAF

Perkataan wakaf berasal dari bahasa Arab [ *waqf* ]. Perkataan ini adalah *masdar* (kata terbitan) dari kata kerja [ *waqafa* ] yang secara asasnya memberi erti “berdiri” atau “berhenti”. Apabila dikaitkan dengan harta seperti tanah, binatang, dan sebagainya, ia memberi erti “pembekuan” milik bagi faedah tertentu.<sup>3</sup> Kata wakaf ini kemudian

<sup>2</sup>Ahmad Dahlan Salleh et.al.(2006) ,”Al-Istibdal (Penggantian ) Harta Wakaf Menurut Perspektif Islam” dalam Zamzuri Zakaria et.al. (ed.) *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, Bangi : Jabatan Syariah UKM ,h 277. Izhar bin Ahmad ( 2004 ), “Perlaksanaan Saham Waqaf : Pengalaman Saham Wakaf Pahang”,Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2004,Hotel Istana, Kuala Lumpur, 3 Ogos 2004.

<sup>3</sup> Ibn Manzur, Muhammad Ibn. Mukarram ( 1990), *Lisan al-Arab*,juz 9, Beirut, Dar al-Fikr, h 359.

menjadi masyhur digunakan dalam erti *ism al-maf'ul* iaitu “*al-mawquf*” yang bermakna benda atau harta yang diwakafkan. Perkataan lain dalam bahasa Arab digunakan untuk menunjukkan wakaf ialah [ *habs* ].<sup>4</sup> Dari segi istilah syarak, wakaf bermaksud menahankan harta benda dan membelanjakan manfaatnya pada jalan Allah.<sup>5</sup>

Apa yang dapat disimpulkan dari definisi di atas ialah harta wakaf adalah suatu harta yang boleh dimanfaatkan, bersifat kekal, tidak boleh dipindah milik dan digunakan untuk tujuan kebajikan semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah. Definisi itu adalah kesimpulan dari hadis riwayat Ibn Umar yang menjadi dalil pensyariatan wakaf.

### PENSYARIATAN WAKAF

Wakaf adalah suatu amalan yang telah disyariatkan, bahkan ia merupakan salah satu cara mendekatkan diri dengan Allah. Amalan ini amat digalakkan oleh syarak. Al-Quran dan al-Sunnah telah menyebut dalil-dalil tentang amalan ini. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

لَن تَنَالُوا أَلْيَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ  
فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa Yang kamu sayangi. dan sesuatu apa jua Yang kamu dermakan maka Sesungguhnya Allah mengetahuinya.

Al ‘Imran (3): 92

Apabila Abu Talhah mendengar ayat ini, beliau pun bercadang untuk mewakafkan hartanya lalu beliau datang meminta pendapat lanjut daripada Nabi SAW. Anas RA menceritakan, ketika turunnya ayat al-Quran di atas, Abu Talhah terus datang menemui Rasulullah SAW dan berkata: “ Wahai Rasulullah, Allah SWT telah berfirman di

<sup>4</sup> Wahbah al-Zuhayli(1989), *al-Fiqh al-Islami wa Adilatuh,juz 8*, Damsyik: Dar al-Fikr, h 153.

<sup>5</sup> Sayyid Sabiq (1987) *Fiqh al-Sunnah,juz 3*, Beirut, : Dar al-Kitab Arab, h 377.

dalam kitab-Nya yang bermaksud: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebijakan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”. Bagiku, harta yang paling aku kasih adalah di Bairaha’ (kata perawi ia merupakan sebuah kebun yang sering diziarahi Rasulullah SAW. Baginda sering berteduh dan minum air di dalamnya), maka ia kini adalah hak Allah SWT dan Rasulullah SAW. Aku mohon semoga beroleh kebaikan dan ganjarannya. Wahai Rasulullah, gunakanlah harta ini di mana sahaja yang kamu mahu. Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Alangkah bagus wahai Abu Talhah tetapi harta tersebut amat berharga. Berilah kepada kaum kerabatmu”. Lalu Abu Talhah pun sedekahkan harta tersebut kepada kaum keluarganya. Kata perawi: “Antara mereka ialah Ubay dan Hassan”.<sup>6</sup>

Begitu juga dengan firman Allah SWT:

وَمَا يَعْلَمُونَ مِنْ خَيْرٍ فَإِنْ يُكَفِّرُوهُ وَاللَّهُ عَلَيْهِ بِالْمُتَّقِينَ

Maksudnya: *Dan apa sahaja kebijakan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertaqwa.*

Al ‘Imran (3): 115

Maksud “apa sahaja kebijakan” di dalam ayat ini adalah dengan pengertian yang umum. Ia merangkumi segala bentuk kebaikan termasuklah wakaf.

Melalui sunnah pula terdapat beberapa hadis, antaranya:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ  
جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُشْتَقُّ إِلَيْهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُونَ لَهُ

<sup>6</sup> Al-Asqalani, Ibn Hajar ( 1988 ), Fath al-Bari bi syarh Sahih al-Bukhari , juz 5, al-Qaherah : Dar al-Rayyan lilturath, h 454.

Maksudnya: "Apabila seseorang manusia mati, segala amalannya akan terputus kecuali daripada tiga sumber iaitu sedekah jariah, ilmu yang boleh dimanfaatkan dan anak soleh yang sering mendoakannya".<sup>7</sup>

Para ulama menafsirkan (*sedekah jariah*) sebagai wakaf. Anak yang soleh pula adalah anak yang melaksanakan hak-hak Allah SWT dan menjaga hak-hak manusia lain. Ibn Umar RA berkata:

أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَصَابَ أَرْضًا يَحْيَيْرَ فَاتَّى إِلَيْهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَصْبَثُ أَرْضًا يَحْيَيْرَ لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ فَمَا تَأْمُرُ بِهِ قَالَ إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَاهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا قَالَ فَتَصَدَّقْتَ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاغِعُ، وَلَا يُوْهَبُ، وَلَا يُورَثُ وَتَصَدَّقْتَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَرَيْهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ وَيُطْعِمَ عَيْرَ مُسَمَّوِّلِ.

Maksudnya: "Umar bin al-Khattab telah menerima sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau menemui Nabi SAW dan bertanya apa yang sepatutnya dilakukan dengan harta itu. Beliau bertanya: "Wahai Rasullullah, aku telah menerima sebidang tanah di Khaibar, dan aku tidak pernah menerima harta yang lebih berharga daripada itu. Apakah yang perlu aku lakukan dengannya?". Baginda bersabda: "Sekiranya muh, kamu wakaflah ia dan sedekahkan hasilnya". Ibn Umar RA berkata lagi: Lalu Umar sedekahkan tanah ini sambil berkata: "Tanah ini sama sekali tidak akan dijual atau diwariskan. Hasilnya akan disedekahkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, hamba-hamba, orang yang berada di jalan Allah, Ibn Sabil dan para tetamu. Tidak salah bagi penjaga tanah tersebut

<sup>7</sup> Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Syarf ( 1994 ), Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi, jld 11 Beirut: Dar al-Ma'rifah, h 817.

*memakan hasilnya atau pun memberi makan orang lain tanpa menyimpan harta”<sup>8</sup>*

Ibn Sirin berkata: “Iaitu tidak membolot harta”. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa tindakan Umar RA ini merupakan wakaf yang pertama di dalam Islam. Amalan wakaf telah menjadi budaya di kalangan para sahabat sehinggakan Jabir RA pernah berkata: “Tidak ada seorang pun di kalangan sahabat yang berkemampuan tetapi tidak mewakafkan hartanya”. Imam al-Syafie berkata: “Aku mendapat tahu bahawa lapan puluh orang sahabat di kalangan Ansar telah melakukan sedekah muhramat”. Imam al-Syafie menggunakan istilah sedekah muhramat untuk wakaf.<sup>9</sup>

## **PEMBENTUKAN AKAD WAKAF**

Sesuatu akad wakaf tidak akan terbentuk melainkan setelah memenuhi rukun dan syarat berikut:

### **1. Rukun Wakaf**

Terdapat empat rukun wakaf iaitu adanya orang yang berwakaf, adanya benda atau harta yang diwakafkan, adanya pihak yang mencrima faedah dari wakaf, dan lafaz wakaf.

Orang yang berwakaf itu hendaklah memenuhi syarat sebagai seorang yang sempurna miliknya. Ini bermakna tidak sah wakaf kanak-kanak, orang gila dan orang bodoh. Ia berhak untuk berbuat kebajikan dan ianya tidak dipaksa, tidak sah wakaf jika seseorang itu melakukannya secara paksa.

Benda atau harta yang diwakafkan itu hendaklah milik sempurna yang mewakafkannya sama ada yang boleh dipindah atau dialih. Seperti al-Quran, kitab hadis, buku, kerusi, meja, pakaian, binatang yang boleh diambil susunya atau senjata, alat-alat pertanian dan seterusnya, atau yang tidak boleh dipindahkan seperti tanah ladang, perigi, masjid, surau, sekolah, pokok, tempat berteduh dan seterusnya. Oleh kerana di antara tujuan wakaf ialah untuk

<sup>8</sup> Al-Asqalani, Ibn Hajar ( 1988 ), Fath al-Bari bi syarh Sahih al-Bukhari , juz 5, al-Qaherah : Dar al-Rayyan lilturath, h 468.

<sup>9</sup> Mustafa al-Khin et.al. ( 2009 ), al-Fiqh al-Manhaji, jilid 3, terjemahan Darul al-Syakir, Bangi : Darul al-Syakir, h 284-287.

mendapatkan pahala yang berterusan maka benda atau harta yang diwakafkan tadi sama ada yang boleh dipindah atau tidak hendaklah kekal ain atau zatnya agar faedah atau manfaat yang didapati darinya akan berterusan. Tidak sah diwakafkan benda atau sesuatu yang habis bila diguna pakai seperti makanan, minuman, atau lilin dan seterusnya.

Pihak yang menerima wakaf hendaklah wujud. Jika sesuatu itu diwakafkan kepada orang atau kumpulan tertentu, ia disyaratkan “boleh memiliki”. Tidak sah wakaf kepada anak yang masih dalam kandungan ibunya, dan hamba sahaya kerana kedua-duanya tidak boleh memiliki. Tetapi jika diwakafkan kepada umum iaitu untuk kebaikan seperti fakir miskin, ulama, pelajar, ahli hadis, masjid dan seumpamanya, maka ianya adalah lebih baik.

Lafaz wakaf adalah diperlukan untuk menjelaskan orang yang melakukan wakaf itu benar-benar menyerahkan hartanya itu untuk dijadikan wakaf. Ini bererti apabila seseorang ingin mewakafkan hartanya kepada sesuatu pihak, dia hendaklah melafazkan “lafaz wakaf” seperti ia berkata: *“Aku wakafkan tanahku ini untuk didirikan masjid”*. Dengan lafaz itu bererti dia telah melakukan wakaf. Ulama telah membahagikan lafaz wakaf ini kepada dua bahagian:

- a. Dengan menggunakan lafaz yang jelas atau “*sarih*” seperti dia berkata: *“Aku wakafkan bangunan itu untuk menjadi tempat tinggal pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah agama ini”*.
- b. Dengan lafaz yang tidak jelas, tetapi ia boleh difahami sebagai wakaf, atau dengan lafaz “*kinayah*”, seperti dia berkata: *“Aku kekalkan tanahku ini untuk orang-orang miskin”*. Cara kinayah ini boleh diterima sebagai wakaf jika disertakan dengan “niat”. Ini bermakna tanpa niat, wakaf melalui lafaz *kinayah* ini tidaklah sah.<sup>10</sup>

## 2. Syarat Wakaf

Setelah kita mengetahui rukun wakaf maka ada baiknya pula kita mengetahui syarat wakaf. Agar wakaf kita sah maka ianya hendaklah memenuhi syarat-syaratnya sebagaimana berikut:

<sup>10</sup> Mahmud Saedon Awang Othman ( 1998 ),” Peranan Wakaf Di Dalam Pembangunan Ummah “ dalam Ahmad Ibrahim et.al. (ed ),’ Al-Ahkam Jilid 6 Undang-Undang Keluarga dan Pentadbiran Wakaf“ Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h 163-164

- i. Kekal; iaitu benda atau harta yang diwakafkan itu bukan untuk masa yang singkat atau terhad tetapi hendaklah untuk selamanya. Oleh itu jika seseorang membataskan wakafnya untuk masa yang tertentu maka wakafnya itu tidak sah. Seperti dia berkata: “*Saya wakafkan tanah saya ini untuk fakir miskin selama setahun*”, maka wakaf ini tidak sah kerana wakaf hendaklah bersifat berkekalan.
- ii. Tunai; iaitu wakaf hendaklah dilakukan secara tunai, tidak boleh bertangguh atau bersyarat di dalam wakaf, kerana wakaf adalah bertujuan untuk menghilangkan milik seseorang dan memindahkannya kepada Allah. Jika seseorang itu mewakafkan hartanya dengan syarat dia akan mengambil balik jika dia menghendakinya, maka wakaf seperti ini adalah batal kerana ianya bersyarat dan tidak tunai. Atau yang mewakafkan berkata: “*Jika si polan iaitu tuan guru tertentu datang mengajar di kampung ini, saya wakafkan rumah saya ini kepadanya*”. Wakaf seperti ini tidak sah kerana ianya tidak tunai, dan tidak berlaku pindah milik di masa akad atau masa lafaz itu dilakukan.
- iii. Pihak yang diwakafkan hendaklah dijelaskan. Jika seseorang berkata “*saya wakafkan rumah ini*” tanpa menyatakan kepada siapa ia diwakafkan, maka wakaf seperti ini tidak sah kerana ianya tidak jelas. Agar wakaf ini menjadi sah maka hendaklah dijelaskan pihak yang mendapat faedah dari wakaf tersebut seperti anak yatim umpamanya.<sup>11</sup>

## JENIS WAKAF

Secara umum wakaf ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

- i. Wakaf kebajikan atau “*al-waqf al-khayry*” iaitu harta yang diwakafkan untuk kebajikan yang boleh dimanfaat oleh orang ramai seperti masjid, hospital, sekolah, dan seterusnya. Wakaf jenis ini terkenal juga dengan wakaf am.
- ii. Wakaf keluarga, atau terkenal juga dengan “*al-waqf al-ahl*, atau *al-waqf al-durry*”. Iaitu harta tersebut diwakafkan untuk

<sup>11</sup> Ibid, h 165.

keluarga atau anak cucu dan keturunannya. Wakaf ini juga terkenal dengan wakaf khas.

Jika diperhatikan dari pembahagian di atas ternyata Islam menggalakkan agar kita melakukan wakaf ini sama ada untuk umum atau untuk keluarga kerana dengan wakaf ini bererti kita boleh membantu meringankan beban, membantu memberikan kemudahan dan membantu untuk menolong pihak lain termasuklah keluarga kita menjalani hidup dengan lebih baik, sesuai dengan tujuan wakaf ialah untuk membuat kebajikan semata-mata kerana Allah SWT.

### JENIS HARTA WAKAF

Ulama juga telah membincangkan jenis-jenis harta yang boleh diwakafkan dengan panjang lebar. Di antara jenis-jenis harta tersebut ialah:

- i. Wakaf *al-iqar*; iaitu seperti kebun, tapak masjid, tapak bangunan, tapak sekolah. Termasuk di dalam golongan wakaf *'iqar* ini ialah bangunan yang kekal dan harta tak alih, seperti masjid, madrasah, sekolah dan seterusnya.
- ii. Wakaf *al-manqul*; iaitu wakaf harta yang boleh alih seperti alat-alat masjid contohnya tikar sembayang, senjata seperti pedang dan seterusnya.
- iii. Wakaf *al-musya'*, iaitu menurut kebanyakan ulama harus mewakafkan harta yang dikongsikan dengan orang lain yang tidak boleh dibahagi seperti dua orang pemilik sebuah kereta, dengan salah seorang dari mereka mewakafkan bahagiannya. Wakaf ini adalah sah, dan ianya dinamakan wakaf *al-musya'*.
- iv. Wakaf *haq al-irtifaq*; iaitu golongan Syafi'i dan Hanbali mengharuskan wakaf *haq al-irtifaq* ini, iaitu mewakafkan satu tingkat dari bangunan yang terdiri dari beberapa tingkat, dan seperti seseorang yang mewakafkan tingkat dua dari bangunannya atau tingkat bawah. Ianya boleh berbuat demikian tanpa dikehendaki mewakafkan seluruh bangunan tadi. Wakaf seperti ini adalah sah menurut mazhab Syafi'i dan Hanbali.
- v. Wakaf *al-irsad*; iaitu wakaf yang dilakukan oleh pemerintah untuk kepentingan umum. Seperti pemerintah telah

mewakafkan sebidang tanah untuk dijadikan sekolah, rumah sakit dan seterusnya. Wakaf *al-irsad* ini adalah harus dan sah dilakukan.

Di atas tadi telah dijelaskan beberapa jenis harta wakaf yang mencakup harta alih dan tak alih, tanah dan bangunan, wakaf orang perseorangan, kumpulan dan pemerintah, sebenarnya terdapat beberapa jenis wakaf lagi yang tidak diperturunkan di sini memadai untuk memberikan gambaran betapa banyak dan luasnya harta yang boleh diwakafkan<sup>12</sup>.

### WAKAF SEBAGAI INSTRUMEN EKONOMI ISLAM

Wakaf adalah satu amalan masyarakat manusia yang sudah wujud walaupun sebelum kedatangan Islam. Namun, Islam memberi penekanan yang lebih kepada amalan ini kerana ianya boleh menyempurnakan pengagihan kekayaan dalam masyarakat Islam dalam bentuk yang berkesan. Kedudukannya sama seperti zakat yang memindahkan sebahagian daripada kekayaan masyarakat kepada mereka yang memerlukan dalam masyarakat. Perbezaannya ialah zakat adalah satu amalan yang diwajibkan dan apa yang disumbangkan itu tidak akan kekal di mana sumbangannya akan digunakan dalam bentuk yang hangus. Pengecualian hanya berlaku dalam konteks sumbangan zakat yang dilaburkan untuk mendapat perkembangan harta (*wealth accumulation*).

Wakaf adalah satu sumbangan yang berbentuk kekal selama-lamanya di mana aset yang diwakafkan akan kekal selama-lamanya melainkan dalam beberapa keadaan seperti kerosakan disebabkan kemalangan di luar dugaan dari kawalan manusia (*act of God*), wakaf yang dilakukan untuk satu tempoh tertentu dan dalam kes *istibdal*. Keistimewaan wakaf khususnya wakaf yang berbentuk produktif ialah ianya menggabungkan unsur simpanan yang tetap dan juga pelaburan. Aset wakaf adalah berbentuk kekal dan boleh dilaburkan dalam pelbagai bentuk untuk faedah benefisiari wakaf di masa-masa hadapan.

Menurut perspektif sejarah, beberapa sektor dalam masyarakat Islam seperti pelajaran dan pendidikan, kesihatan, kebajikan masyarakat, penjagaan alam sekitar, kajian sains dan perubatan,

<sup>12</sup> Ibid, h 166-167

ketenteraan dan pertahanan dan lain-lain sektor adalah dibiayai oleh hasil pendapatan daripada aset wakaf yang dilaburkan. Umpamanya, dilaporkan bahawa kepulauan Sicily, semasa berada di bawah pemerintahan Islam, telah mempunyai 300 sekolah rendah yang dibina dengan hasil pendapatan wakaf dan ini mencakupi perbelanjaan menguruskan sekolah seperti gaji tenaga pengajar dan peralatan sekolah. Hasil pendapatan wakaf juga digunakan untuk membiayai perbelanjaan pembinaan dan pengurusan sekolah-sekolah tinggi dan universiti-universiti di bandar-bandar besar seperti al-Aqsa, Damsyik, Baghdad, Kaherah, Nisapur dan lain-lain lagi. Di antara universiti-universiti yang besar yang pernah dibiayai oleh hasil pendapatan wakaf ialah Universiti al-Azhar di Kaherah, Universiti al-Qurawiyin di Kota Fez dan Universiti al-Nizamiyyah di Baghdad. Ini mencakupi segala perbelanjaan pengurusan seperti alat mengajar, buku-buku sains, gaji untuk pengajar, biasiswa untuk pelajar dan asrama untuk pelajar sama ada bujang atau berkahwin.

Dalam aspek sosial, hasil pendapatan wakaf digunakan untuk membantu golongan miskin dan mereka yang mengembara. Kes wakaf tanah Saidina 'Umar di Khaibar adalah bertujuan memberikan kebaikan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Begitu juga dalam kes telaga rumah yang diwakafkan untuk faedah semua orang yang memerlukan air di Madinah. Hasil pendapatan wakaf juga digunakan untuk membebaskan hamba abdi, membesarkan anak-anak yatim dan menyediakan air untuk kampung-kampung. Ia juga digunakan untuk penjagaan binatang dan burung, membaik pulih tebing sungai dan menyediakan kubu pertahanan.

Dalam perspektif yang lain, institusi wakaf boleh membantu membasmi kemiskinan, menyediakan peluang pekerjaan dan membantu kerajaan dalam mengurangkan bebanan belanja pengurusan perkhidmatan awam. Dr. Mohammad Boudjellal telah membuat satu kajian yang menarik untuk memperlihatkan bagaimana institusi wakaf sekiranya diletakkan dalam konteks yang sebenar akan membantu ke arah tujuan-tujuan sosio-ekonomi di atas yang masih lagi menjadi masalah utama di setiap negara Islam dan juga bukan Islam. Menurut beliau, kerajaan moden terpaksa bergantung kepada pihak sektor ketiga dalam menangani banyak isu-isu sosio-ekonomi dan institusi wakaf adalah satu institusi yang paling berwibawa untuk memikul tugas dan

tanggungjawab ini. Pendapat yang sama telah diutarakan oleh Profesor Murat Cizakca, seorang ahli ekonomi Islam yang terkenal<sup>13</sup>.

## KONSEP SAHAM WAKAF

Doktor Wahbah Al-Zuhaili menjelaskan bahawa kebanyakan hukum berkaitan wakaf ditetapkan melalui ijtihad dengan menggunakan konsep *istihsan*, *istislah* dan *'uruf*. Hanya sedikit sahaja hukum wakaf ditetapkan melalui sunnah.<sup>14</sup>

Jika hukum wakaf secara umum banyak ditetapkan menerusi ijtihad, maka hukum saham wakaf yang menjadi isu fiqh semasa lebih-lebih lagi perlu kepada ijtihad baru. Justeru itu, sebelum dibincangkan konsep saham wakaf adalah wajar untuk diketengahkan prinsip-prinsip fiqh muamalat dalam Islam.

### 1. Prinsip-Prinsip Fiqh Muamalat Dalam Islam

Untuk menyelesaikan persoalan fiqh semasa, Islam mempunyai prinsip-prinsip muamalat yang penting dan perlu difahami oleh pihak yang terlibat antaranya:

- i. Fiqh Muamalat diasaskan di atas prinsip umum syariat.

Antara nas-nas hukum yang berkaitan dengan prinsip umum ialah sebagaimana firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بِإِنْبَطْلِ  
إِلَّا أَنْ تَكُونَ تَحْرِةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ  
اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٤٦﴾

<sup>13</sup> Mohd Daud Bakar ( 1999 ), Amalan Institusi Wakaf Di Beberapa Negara Islam : Satu Perbandingan dalam Nik Mustapha Nik Hassan ( ed ), Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia, Kuala Lumpur : IKIM, h 160- 163. Untuk keterangan lanjut tentang sejarah wakaf sila rujuk Sabri, Ikrimah Said (2008), al-Waqf al-Islami Baina al-Nazhariah wa al-Tadbiq, al-Urdun : Dar al-Nafa'is, h 431- 563.

<sup>14</sup> Wahbah Al-Zuhayli, ( 1998 ), al-Wasoya wa al-Waqf, Damsyik : Dar al-Fikr, h 138.

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu".

Al-Nisa' (4): 29

Firman Allah SWT lagi:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوْا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ  
لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya : Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu Mengetahui.

Al-Baqarah (2): 188

Ibnu Arabi ketika menafsirkan ayat di atas menyebut bahawa ayat ini termasuk dari kaedah-kaedah muamalat sesama manusia dan masa pertukaran barang. Termasuk di bawah larangan memakan harta orang lain secara batil seperti berjudi, menipu, merampas, mengambil upah tenung nasib, pelacuran, rasuah, mengambil harga jualan arak dan lain-lain.

Firman Allah SWT :-

وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya: Dan Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

Al-Baqarah (2): 275

Imam Al-Qurtubi menerangkan bahawa ayat tadi adalah termasuk ayat-ayat al-Quran yang bersifat umum kerana huruf *alif* dan *lam* pada perkataan (*bai'*) menunjukkan jenis, bukan menunjukkan jual beli tertentu. Buktinya sebelum ayat itu tidak disebut (*bai'*) jual beli yang dimaksudkan. Dengan demikian jual beli di dalam ayat itu adalah secara umum dan ia dikhususkan dengan urusan jual beli yang dilarang seperti riba, jual arak, bangkai dan anak dalam kandungan.

Disebutkan juga di dalam sebuah hadis bahawa Rasulullah SAW telah melarang jualan secara *gharar*.<sup>15</sup> Di dalam bahasa Arab, *gharar* digunakan sama dengan makna “*khatar*” yang bermaksud sesuatu yang berbahaya. Ia juga membawa pengertian “*kazib*” yang bermaksud penipuan. Di sini dapat disimpulkan bahawa *gharar* adalah merujuk kepada unsur-unsur penipuan yang boleh mendedahkan seseorang itu kepada bahaya. Sementara *gharar* dari segi syarak pula ialah sesuatu yang tidak diketahui akibatnya.

Hadis tentang larangan jual beli secara *gharar* di atas adalah berbentuk umum yang meliputi semua bentuk jual beli. Dr. al-Siddiq al-Dharir telah membahagikan *gharar* kepada dua bahagian iaitu:

1. *Gharar* yang terdapat dalam *sighah* akad seperti jual beli secara mencampak batu dan menyentuh barang.
  2. *Gharar* yang terdapat pada barang yang diakad seperti tidak tahu (*jahil*) dengan jenis sifat dan kadar barang yang diakad.
- ii. Asal muamalat adalah harus hingga terdapat dalil yang terang dan kukuh melarangnya.

Muamalat di sini meliputi akad dan syarat. Antara hujah yang menyokong prinsip ini ialah firman Allah SWT:

اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمُ الْبَحْرَ لِتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ وَلَتَبْغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٤٦﴾ وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي الْأَسْمَاءِ وَالْأَنْوَافِ

<sup>15</sup> Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad ibn al-Husain (t.th ), al-Sunan al-Kubra,jld 5,Beirut : Dar al-Fikr, h 338.

وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ  
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: Allah-lah yang menundukkan lautan untukmu supaya kapal-kapal dapat berlayar padanya dengan seizin-Nya dan supaya kamu dapat mencari kurnia-Nya dan mudah-mudahan kamu bersyukur. Dan Dia telah menundukkan untukmu apa yang di langit dan apa yang di bumi semuanya, (sebagai rahmat) dari pada-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang berfikir.

Al-Jathiyah (45): 12-13

Firman Allah SWT:

قُلْ أَرَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا  
وَحَلَالًا قُلْ إِنَّ اللَّهَ أَذِنَ لَكُمْ أَمْرًا عَلَى اللَّهِ تَفْرُوتَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: Katakanlah: "Terangkanlah kepadaku tentang rezeki yang diturunkan Allah kepadamu, lalu kamu jadikan sebahagiannya haram dan (sebahagiannya) halal". Katakanlah: Apakah Allah telah memberikan izin kepadamu (tentang ini) atau kamu mengada-adakan saja terhadap Allah?".

Yunus (10): 59

Ayat ini diturunkan kerana orang musyrik mengharamkan apa yang telah dihalalkan oleh Allah kerana kebiasaan yang telah diwarisi dari nenek moyang mereka seperti Buhairah, Saibah dan Wasilah.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ الْسِّنَّتُكُمْ أَلْكَذِبُ هَذَا حَلَلٌ وَهَذَا  
حَرَامٌ إِنَّ الظَّنَّ يَغْتَرِرُ عَنِ اللَّهِ الْكَذِبُ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ  
الْكَذِبُ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta; "Ini halal dan ini haram", untuk mengadakan kebohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tiadalah beruntung.*

Al-Nahl (16): 116

Allah melarang orang Islam mengharamkan sesuatu yang diharuskan oleh Allah semata-mata kerana hawa nafsu dan keinginan. Firman Allah SWT:

وَقَدْ فَصَلَ لَكُمْ مَا حَرَمَ عَلَيْكُمْ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atasmu.*

Al-An'am (6): 119

Menurut Ibn Hazm bahawa setiap sesuatu yang tidak dijelaskan pengharamannya dalam al-Quran adalah halal. Sabda Rasulullah SAW pula:

الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَمَ حَلَالًا، وَأَخْلَى حَرَامًا

Maksudnya: *"Orang Islam mesti mematuhi segala syarat yang ditetapkan sesama mereka kecuali syarat yang mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram"*<sup>16</sup>

<sup>16</sup> Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad ibn Isa ( t.th ), Sunan al-Tirmizi,jld 3,Beirut : Dar Ihya al-Turath al-Arabi, h 635.

Hadis ini menjelaskan bahawa seorang muslim perlu memenuhi syarat yang telah dikenakan ke atasnya. Asal bagi syarat adalah diterima kecuali syarat yang bertentangan dengan hukum Allah dan Rasul-Nya. Begitu juga syarat boleh diterima pakai selama mana syarat tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal seperti disyariatkan pembeli tidak boleh mengambil barang yang dibeli.

- iii. Muamalat Islam diwujudkan untuk memberikan kebaikan kepada manusia dan dapat difahami tujuannya.

Menurut al-Syatiby, bahawa asal bagi adanya muamalat dapat difahami tujuan dan kebaikannya. Sebab itu dilarang melakukan sesuatu perbuatan yang tidak dapat memberikan kebaikan (*maslahat*) pada suatu masa. Tetapi apabila perbuatan itu terdapat kebaikan pada masa yang lain maka perbuatan itu tidak lagi dilarang.

Antara ayat berkaitan dengan muamalat yang memberikan sebab pengharamannya ialah, firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَأْكُلُوْا أَمْوَالَكُمْ بَيْتَكُمْ بِالْبَطْلِ  
إِلَّا أَن تَكُونَ تَحْرِةً عَن تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوْا أَنفُسَكُمْ إِنَّ  
اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَّحِيمًا

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-sama di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.*

Al-Nisa' (4): 29

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَن يُوقَعَ بِيَنْكُمُ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ فِي الْخَتْرِ  
وَالْمَيْسِرِ وَيُصَدِّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهَوْنَ



Maksudnya: Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum) khamar dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingat Allah dan sembahyang, maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu).

Al-Mâ'idah (5): 91

Kebanyakan hukum-hukum yang menyentuh tentang muamalat berhubung kait dengan kebaikan (*maslahat*) yang terdapat ketika pensyariatan hukum berkenaan. Apabila *maslahat* itu berubah maka hukum muamalat itu juga perlu diubah. Justeru itu Izzuddin bin Abdul Salam mengatakan bahawa setiap urusan yang gagal mencapai matlamat syarak adalah batal dan ditolak.<sup>17</sup>

iv. Fiqh Muamalat mengandungi perkara-perkara tetap yang tidak boleh diubah dan juga perkara-perkara yang boleh diubah.

Hukum syariat yang menjadi asas atau prinsip umum dalam bab muamalat seperti reda-meredai dalam berakad, pengharaman riba, penipuan dan sebagainya adalah perkara-perkara tetap yang tidak boleh diubah walau apa keadaan sekalipun. Termasuk dalam kategori perkara yang tetap juga ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan tujuan syariat untuk menegakkan keadilan dan menegah kezaliman.

Manakala hukum-hukum muamalat yang ditetapkan dengan cara ijтиhad berdasarkan ‘*uruf*’ setempat boleh diubah apabila berlaku perubahan ‘*uruf*’ tersebut. Contohnya mata wang yang menjadi alat

<sup>17</sup> Izzuddin Ibn Abdul Salam ( 1980 ), Qawaid al-Ahkam fii Masalih al-Anam, Dar al-Jil, 2/143.

untuk membeli barang pada masa dahulu adalah emas dan perak, tetapi kini bertukar kepada wang kertas.<sup>18</sup>

Setelah diteliti prinsip-prinsip fiqh muamalat dalam Islam di atas dapat disimpulkan bahawa prinsip-prinsip tersebut tidak menghalang ijtihad untuk mewujudkan saham wakaf sebagai satu bentuk muamalat semasa bagi tujuan kemaslahatan umat Islam.

Saham wakaf ialah pembelian unit-unit saham dan perwakafan sijil-sijil saham tersebut untuk selama-lamanya kerana Allah dengan tujuan untuk kepentingan dan kebajikan umat Islam. Saham yang telah dibeli itu akan ditukarkan dengan harta kekal seperti tanah, bangunan, atau projek-projek yang boleh mendatangkan manfaat kepada masyarakat Islam.

Wakaf bentuk baru ini bertujuan menaikkan syiar Islam dalam sektor pembangunan secara menyeluruh, rohani, dan jasmani. Wakaf bentuk yang baru ini (saham) telah membolehkan penyertaan yang ramai di kalangan umat Islam dalam ibadat wakaf. Setiap individu Islam diberi peluang untuk menyertai wakaf dalam bentuk sumbangan wang ringgit menurut kemampuan masing-masing kerana dibuat secara *tabarru'*.<sup>19</sup>

Secara umumnya, perwakafan wang adalah dibolehkan mengikut apa yang berlaku di zaman Rasullullah SAW dan juga pandangan para sarjana perundangan Islam dengan mengikut syarat-syarat tertentu.

Menurut Ibn Abidin, mewakafkan wang ataupun duit adalah sah meskipun fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuknya yang asal tetapi pengekalan ini masih boleh direalisasikan dengan menuarkannya kepada bentuk yang lain (atau harta lain yang bersifat kekal). Dalam masa yang sama, beliau berpandangan bahawa keesahannya hanya terhenti kepada '*uruf* masyarakat setempat, di mana ini ternyata sama dengan pendirian Muhammad al-Saybani. Beliau menambah bahawa, jika amalan masyarakat ini jarang-jarang sekali berlaku, maka ini tidak dianggap sebagai adat kebiasaan

<sup>18</sup>. Muhammad Uthman Syibir ( 1999 ), *al-Muamalat al-Maliyyah al-Muasorah fi al-Fiqh al-Islami*, Urdun : Dar al-Nafais, h 17-26 dengan sedikit perubahan

<sup>19</sup> Abdul Monir Yaacob et.al. ( 2004 ), "Wakaf : Konsep, Perundangan dan Prospek Pembangunannya di Malaysia " dalam Jurnal Undang-Undang IKIM, vol. 8, no. 1, Januari-Jun 2004, h 182.

masyarakat memandangkan penggunaan perkataan *ta'amul* (*dealing*) itu sendiri menunjukkan pemakaianya yang kerap berlaku.<sup>20</sup>

Pernah dilaporkan oleh Muhammad, iaitu anak lelaki kepada Abdullah al-Ansari, yang merupakan sahabat Zufar, di mana beliau berpandangan bahawa wang (*dirham*) boleh diwakafkan dengan melaburkannya ke dalam mana-mana bentuk perniagaan atau pelaburan. Hasilnya akan disedekahkan (diwakafkan). Lebih daripada itu, pandangan ini menegaskan barang-barang makanan yang boleh disukat dan ditimbang sah diwakafkan di mana ianya akan dijual dan wang yang diperolehi daripada jualan itu akan dilaburkan dan hasilnya juga boleh diwakafkan kepada tujuan-tujuan kebajikan.

Melalui bentuk-bentuk pelaburan di atas, bukan sahaja modal atau aset yang diwakafkan itu dapat dipertahankan, malah ianya akan memberi keuntungan yang berlipat ganda dan dapat melahirkan lebih banyak harta-harta wakaf yang baru dalam bentuk harta kekal. Implikasi daripada konsep ini sebenarnya, mampu menambah satu lagi keperluan baru dalam syarat harta alih yang boleh diwakafkan, iaitu sesuatu aset yang hendak diwakafkan hendaklah terdiri daripada harta yang dapat memberi manfaat yang berpanjangan.<sup>21</sup>

Wakaf dalam bentuk saham ini tidak lari daripada menuruti konsep asal wakaf. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini sebahagian ulama membenarkan wang untuk disumbangkan sebagai wakaf, dan bagi memiliki sebarang saham, seseorang perlu membelinya dengan menggunakan wang. Saham wakaf sebagaimana wakaf-wakaf yang lain, apabila telah dibeli, tidak boleh dijual semula, dijadikan pemberian kepada mana-mana pihak dan tidak boleh diwariskan kepada mana-mana orang. Maka, sifat wakaf itu kekal dan berpanjangan.

Kebenaran menggunakan wang bagi tujuan wakaf telah memberi ilham kepada ulama untuk mewujudkan saham wakaf di Negara ini. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam.

<sup>20</sup>Siti Mashitoh Mahamood ( 2007 ), “Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang ” dalam Jurnal Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,Jilid 15 Bil. 2 Julai-Disember 2007 h 66.

<sup>21</sup>Ibid h 67.

Imam Al-Zuhri seorang ulama terkenal dalam ilmu hadis telah memfatwakan bahawa berwakaf dalam bentuk dinar dan dirham dibenarkan bagi tujuan kebajikan masyarakat. Kewujudan wakaf tunai telah dikenali lama di Madinah dan menjadi amalan penduduk Madinah sebagaimana pandangan Imam Malik yang membenarkan wakaf tunai ini.<sup>22</sup>

Walaupun wang tunai bukan maksud dari amalan berwakaf tetapi manfaat dari wang itu dapat dikekalkan dan digunakan sebagai wakaf telah mendorong *Majma' Fiqh Islami* pada persidangannya yang ke 15 mengeluarkan resolusi bernombor 140 (6/15) untuk membenarkan wakaf tunai.<sup>23</sup>

## CADANGAN PELAKSANAAN SAHAM WAKAF DI KELANTAN

Saham Wakaf Kelantan adalah satu cara berwakaf melalui wang tunai, iaitu dengan cara membeli unit-unit saham yang ditawarkan dan mewakafkan unit-unit saham tersebut selama-lamanya kerana Allah. Pengumpulan dana saham wakaf itu dapat dimanfaatkan untuk kepentingan pembangunan dan kebajikan ummah.

### 1. Objektif Saham Wakaf Kelantan

Antara objektif saham wakaf Kelantan adalah seperti berikut:

- i. Menggalakan amalan wakaf yang merupakan sedekah jariah yang sangat dituntut oleh Islam sebagai bekalan menuju akhirat.
- ii. Menyediakan peluang wakaf kepada umat Islam yang tidak berkemampuan berwakaf dengan aset kekal.
- iii. Mewujudkan rasa persaudaraan Islam dan *ta'wun* (tolong-menolong) ke arah melahirkan perpaduan umat Islam.
- iv. Membangunkan sosial umat dengan projek pendidikan, kesihatan, dan dakwah secara berkesan.

<sup>22</sup> Al-Asqalani, Ibn Hajar ( 1988 ), *Fath al-Bari*,juz 5, al-Qaherah : Dar al-Rayyan lilturath, h 475; Kahf, Munzir,( 2000),*al-Waqf al-Islami*, Damsyik : Dar al-Fikri, h 87.

<sup>23</sup> Ali Ibn Muhammad ( 2012 ), *al-Ta'min al-Takafuli min khilali al-Wakaf*, Riyadh : Dar al-Tadmuriyyah, h 187.

- v. Mengukuhkan ekonomi ummah melalui harta kekal dan manfaatnya dapat digunakan untuk perbangunan dan kebajikan masyarakat Islam.

## 2. Pengurusan Saham Wakaf Kelantan

Pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) mestilah dijadikan sebagai pemantau dan pengawal bagi Saham Wakaf ini sebagaimana peruntukan Enakmen MAIK Bil 4 Tahun 1994 Seksyen 61 menyatakan:

*“Walau apapun peruntukan yang berlawanan dengan mana-mana surat cara atau perisyiharan, Majlis hendaklah menjadi pengawal tunggal kepada semua wakaf, sama ada wakaf am atau khas, semua nazar am dan semua amanah khairat untuk kepentingan Agama Islam dan orang-orang Islam, setakat mana harta itu terletak hak kepadanya atau yang terletak di dalam Negeri Kelantan.”*

Sementara untuk pengurusannya dicadangkan sebuah syarikat korporat di bawah Kerajaan Negeri ditubuhkan contohnya Permodalan Wakaf Kelantan Sdn. Bhd.. Syarikat ini akan bertindak sebagai nazir khas yang menerima wakaf saham itu bagi pihak MAIK dan mengembangkan manfaatnya kepada masyarakat. Satu perjanjian persefahaman antara MAIK dan syarikat tersebut perlu diadakan dengan memberi peratus tertentu dari keuntungan syarikat kepada MAIK.

Gabungan kepakaran antara MAIK dan syarikat korporat terbabit dijangka akan dapat membangun dan mengurus institusi saham wakaf Kelantan. Kepakaran tinggi dalam pengurusan kewangan secara Islam adalah amat penting supaya institusi menjadi berkesan dan membawa pulangan yang diharapkan. Untuk melicinkan pentadbiran saham itu satu enakmen wakaf atau kaedah-kaedah saham wakaf perlu digubal dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan.

## 3. Pembelian Saham Wakaf

Unit-unit saham wakaf ini boleh dibeli oleh mana-mana individu atau organisasi mengikut kemampuan masing-masing berasaskan harga seunit yang ditentukan. Jumlah pembelian unit tidak dihadkan.

Selain pembelian untuk diri sendiri, pembeli boleh membeli bagi pihak orang lain termasuk yang telah meninggal dunia dengan niat pahala dari wakaf itu kepada simati yang disebutkan.

Pembelian unit saham ini tidak akan mendapat apa-apa bentuk dividen atau keuntungan sebagaimana pembelian amanah saham lain. Ini disebabkan pembelian saham wakaf ini untuk diwakafkan dan balasannya adalah datang dari Allah. Justeru itu, setiap pembelian unit saham wakaf hendaklah mewakafkan saham mereka kepada MAIK.

Semasa pembelian dibuat, pembeli akan disediakan Borang Hujah untuk diikrar dan dilafazkan untuk diwakafkan kepada MAIK. Borang tersebut adalah sebagai tanda pembelian mewakafkan sahamnya kepada MAIK sebagai pemegang amanah untuk mentadbirkannya. Sementara pembeli akan menerima Sijil Saham Wakaf untuk simpanan mereka.

Semua pembelian unit Saham Wakaf akan diberikan pelepasan cukai mengikut seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53). Ini adalah kerana telah ada Majlis Agama Islam Negeri seperti Johor, Melaka, Pahang, Selangor, Pulau Pinang yang berjaya mendapatkan pelepasan cukai bagi dana yang diwakafkan.

#### **4. Kaedah Pembelian Saham Wakaf Kelantan**

Saham Wakaf Kelantan boleh dibeli beberapa cara-cara antaranya.

- a. Pembelian secara tunai di ibu pejabat syarikat pengurus atau di Pejabat Agama Islam Jajahan.
- b. Pembelian melalui pos dengan menggunakan cek, wang pos, kiriman wang atau draf bank.
- c. Pembelian melalui kaedah potongan gaji bulanan yang melibatkan kakitangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Syarikat Swasta (Skim Infaq Wakaf).
- d. Pembelian di Pejabat Pos Malaysia Berhad.
- e. Pembelian melalui bank-bank seperti Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Rakyat dan sebagainya.
- f. On line.
- g. Penyertaan sebagai Sahabat Korporat Wakaf Kelantan yang melibatkan golongan swasta, korporat dan anak-anak syarikat milik kerajaan (GLC).

### 5. Aktiviti Agihan Saham Wakaf Kelantan

Hasil dari jualan Saham Wakaf Kelantan akan dikumpulkan dalam Tabung Kumpulan Wang Wakaf yang akan digunakan untuk membiayai program pembangunan di Kelantan. Antaranya seperti berikut:

- i. Pembangunan harta tanah.
- ii. Pembangunan harta wakaf yang sedia ada.
- iii. Pembelian dan pembinaan bangunan pejabat, kedai, sekolah agama, masjid, surau, rumah orang tua dan anak yatim.
- iv. Pembangunan perladangan, pertanian, penternakan dan perkilangan.
- v. Pembangunan sosial masyarakat Islam seperti bantuan kemanusian, pendidikan agama dan tahliz, kesihatan, masjid, fakir miskin, anak yatim dan sebagainya.

### 6. Bentuk Promosi Yang Boleh Dijalankan

Antara bentuk promosi yang boleh dijalankan untuk mempromosi saham wakaf Kelantan:

- i. Promosi iklan bahan bercetak. Bahan iklan bercetak seperti poster, pamphlet, buletin dan lain-lain akan dicetak sebagai pengenalan menarik penyertaan masyarakat. Bahan-bahan tersebut akan diedarkan ke seluruh masjid, surau, pejabat kerajaan, sekolah, IPT, kompleks membeli-belah dan sebagainya.
- ii. Lawatan penerangan ke seluruh jajahan di negeri Kelantan. *Road show* ini melibatkan imam-imam masjid dan surau, pemimpin masyarakat, kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri termasuk guru sekolah, kakitangan swasta, persatuan dan orang ramai.
- iii. Promosi melalui media massa dan laman sosial. Sesi penerangan ini boleh dilakukan melalui slot khas dalam media massa seperti televisyen, radio, akhbar majalah dan lain-lain. Selain dari itu promosi melalui laman sosial seperti *facebook* dan *twiter* dapat menyalurkan maklumat kepada masyarakat dengan pantas seterusnya mendidik mereka terutamanya remaja tentang kepentingan saham wakaf membina ummah.
- iv. Pembukaan kaunter penerangan di majlis rasmi kerajaan, pejabat kerajaan, pusat membeli belah, ekspos dan di masjid pada hari Jumaat bagi memberi peluang orang ramai mendapat penerangan dan memudahkan penyertaan masyarakat.

- v. Penerangan melalui teks khutbah Jumaat. Bagi memastikan mesej saham wakaf ini sampai ke segenap lapisan masyarakat, medium khutbah juga akan dimanfaatkan dengan penyediaan khutbah khas berkaitan dengannya.
- vi. Taklimat kepada bakal haji menerusi kursus haji yang dianjurkan oleh Lembaga Tabung Haji.
- vii. Mengadakan kempen ‘Jom Wakaf’ dengan pengisian ilmiah seperti pameran, seminar dan bicara wakaf oleh tokoh-tokoh agama dan pengisian santai seperti persembahan artis dan selebriti dakwah.

## PENUTUP

Saham Wakaf merupakan suatu usaha ataupun alternatif untuk seseorang individu muslim menyumbangkan hartanya kepada peningkatan sosio-ekonomi umat Islam selain dari zakat. Zakat merupakan suatu kewajipan kepada individu muslim untuk menunaikannya, namun wakaf adalah sebagai pelengkap kepada zakat.

Kebanyakan Majlis Agama Islam Negeri memberi perhatian yang serius terhadap pembangunan zakat tetapi pembangunan wakaf kurang diberi perhatian. Sehingga ke hari ini, di negeri Kelantan masih tidak terdapat undang-undang atau peraturan bertulis khusus tentang pewakafan harta amanah orang Islam. Enakmen Majlis Agama Islam Negeri Kelantan Bil 4 Tahun 1994 hanya menyentuh secara umum sahaja dan peruntukan wakaf dibuat bersama dengan perkara yang berkaitan dengan nazar.

Konsep wakaf perlu dikembangkan lagi untuk pembangunan umat Islam dan tidak disempitkan kepada harta kekal sahaja. Ini kerana tidak semua orang mempunyai harta kekal seperti rumah, tanah dan sebagainya. Boleh dikatakan semua orang mempunyai wang lebih-lebih lagi rakyat negeri Kelantan yang terkenal dengan kuasa beli tunai. Justeru itu Saham Wakaf atau Wakaf Tunai wajar diwujudkan dengan pengumpulan dana dari masyarakat untuk digunakan bagi tujuan membiayai pelbagai projek yang dapat dikongsi faedahnya.

Untuk merealisasikan perkara tersebut satu enakmen wakaf Kelantan atau kaedah-kaedah saham wakaf perlu digubal dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Dicadangkan sebagai langkah pemulaan satu Jawatankuasa Pemandu perlu dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan segera untuk mempercepatkan gerak

kerja ke arah pelaksanaan saham wakaf atau wakaf tunai di negeri Kelantan. Sebagai strategi masa depan, kerajaan perlu juga merancang ke arah pelaksanaan wakaf korporat.

Dengan memperkenalkan skim saham wakaf atau wakaf tunai yang mudah ini, diharapkan semua umat Islam di negeri Kelantan yang terkenal dengan jolokan Serambi Mekah dapat menyumbang dan membuat pelaburan untuk akhirat mereka di samping dapat mengukuhkan kekuatan ekonomi dan kebajikan umat Islam setempat. Semoga dengan itu akan terlaksanalah konsep “*Baldatun Thoyyibatun Wa Rabbun Ghafur*”.